



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH  
PENDIDIKAN KHAS (KETIDAKUPAYAAN PENDENGARAN)**

# **Pendidikan Islam**

**Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran**

**TAHUN 1**





KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH  
PENDIDIKAN KHAS  
(KETIDAKUPAYAAN PENDENGARAN)

# Pendidikan Islam

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

## Tahun 1

Bahagian Pembangunan Kurikulum

MEI 2015

Terbitan 2015

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

## KANDUNGAN

Rukun Negara.....	v
Falsafah Pendidikan Kebangsaan.....	vi
Kata Pengantar.....	vii
Pendahuluan.....	1
Matlamat .....	2
Objektif .....	2
Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Rendah.....	3
Fokus .....	4
Rancangan Pendidikan Individu.....	4
Kemahiran Abad Ke-21 .....	6
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.....	8
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran .....	9
Elemen Merentas Kurikulum .....	14
Pentaksiran .....	16
Organisasi Kandungan .....	19
Bidang: 1. Al-Quran.....	21
Bidang: 2. Akidah.....	28
Bidang: 3. Ibadah.....	32
Bidang: 4. Sirah.....	36
Bidang: 5. Adab.....	38
Bidang: 6. Jawi.....	41





## **RUKUN NEGARA**

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:  
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;  
Memelihara satu cara hidup demokratik;  
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;  
Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;  
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN  
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA  
KELUHURAN PERLEMBAGAAN  
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG  
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

## **FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN**

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)



## KATA PENGANTAR

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan begitu juga KSSR Pendidikan Khas yang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2011 telah pun melepasi satu kohot murid di sekolah rendah. Selaras dengan keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, maka KSSR dan KSSR Pendidikan Khas disemak semula untuk dilaksanakan mulai tahun 2017. Semakan ke atas kedua-dua kurikulum tersebut bertujuan meningkatkan standard kandungan dan standard pembelajaran supaya setanding dengan standard antarabangsa. Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi menjadi elemen utama mengangkat KSSR dan KSSR Pendidikan Khas setanding dengan standard antarabangsa. Standard kandungan dan standard pembelajaran tersebut turut disulami dengan standard prestasi untuk mengukur tahap penguasaan murid.

KSSR Pendidikan Khas disemak semula yang dilaksanakan di sekolah rendah akan menggunakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), yang digubal berlandaskan Kerangka KSSR yang mempunyai enam tunjang, iaitu Komunikasi, Kerohanian, Sikap & Nilai, Kemanusiaan,

Keterampilan Diri, Perkembangan Fizikal & Estetika serta Sains & Teknologi.

DSKP merupakan dokumen utama rujukan guru dalam merangka pengajaran dan pembelajaran (p&p) yang merangkumi pelbagai strategi, aktiviti dan penggunaan sumber. Guru digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun, mengolah dan mempelbagai aktiviti berpandukan standard pembelajaran dan standard prestasi mengikut kesesuaian dan keupayaan murid.

Dalam melaksanakan p&p, guru perlu memberi penekanan kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang dinyatakan secara eksplisit dalam DSKP. Antara pendekatan utama yang wajar digunakan guru dalam menerapkan KBAT dalam p&p adalah pembelajaran berasaskan inkuiri (*inquiry*), iaitu pendekatan yang mementingkan penyiasatan, pengumpulan dan penganalisan data. Pelaksanaan pendekatan Inkuiri boleh dilakukan dengan menggunakan kaedah seperti Pembelajaran Berasaskan Projek, Pembelajaran Berasaskan Masalah, Pembelajaran Berasaskan Eksperimen dan Pembelajaran Berasaskan Kontekstual.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan KSSR Pendidikan Khas. Semoga pelaksanaan kurikulum ini akan mencapai hasrat dan matlamat menghasilkan murid berkeperluan pendidikan khas yang mampu berdikari, bersosialisasi dan menjalani kehidupan dengan lebih bermakna.

Dr. SARIAH BINTI ABD. JALIL

Pengarah

Bahagian Pembangunan Kurikulum

## PENDAHULUAN

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas (Ketidakupayaan Pendengaran) dibina selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan berlandaskan prinsip-prinsip pendekatan bersepadu, perkembangan individu secara menyeluruh, peluang pendidikan dan kualiti pendidikan yang sama untuk semua murid dan pendidikan seumur hidup. KSSR Pendidikan Khas (Ketidakupayaan Pendengaran) adalah bersifat holistik, tidak terlalu akademik dan tidak membebankan murid. Ini selaras dengan teras kedua Pelan Induk Pembangunan Pendidikan.

Bagi memenuhi keperluan individu, KSSR Pendidikan Khas (Ketidakupayaan Pendengaran) dibentuk secara fleksibel dan ini bertepatan dengan Akta Pendidikan 1996, Bab 8 Pendidikan Khas, Seksyen 41, Subseksyen (1) (b) Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 1997, yang menyatakan "*guru-guru boleh mengubahsuai kaedah atau teknik pengajaran atau pembelajaran, masa bagi aktiviti dan susunan aktiviti, mata pelajaran dan bahan bantu mengajar bagi mencapai tujuan dan matlamat pendidikan khas*".

KSSR Pendidikan Khas (Ketidakupayaan Pendengaran) dibina supaya pembelajaran yang diperoleh di bilik darjah dapat

diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Kurikulum ini juga menyediakan pendidikan berkualiti secara optimum untuk murid bermasalah pendengaran supaya mereka menjadi insan yang seimbang, berdikari dan berjaya dalam kehidupan.

Bagi setiap mata pelajaran disediakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). DSKP merupakan dokumen yang memperincikan kandungan bagi mata pelajaran di bawah KSSR Pendidikan Khas. DSKP boleh diguna sebagai panduan dalam merancang dan menyediakan aktiviti p&p yang sesuai dan berkesan bagi pembelajaran MBK. Kandungan kurikulum dalam DSKP diorganisasi di bawah lajur Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Kriteria Pencapaian. Penerangan berkaitan ketiga-tiga lajur adalah seperti di tajuk Organisasi Kandungan dalam dokumen ini.

Standard Kandungan memberi gambaran kepada guru perkara yang murid patut tahu dan boleh lakukan dalam tahun pembelajaran. Makluman sedemikian membantu guru merancang peruntukan waktu p&p bagi sesuatu kandungan dan aktiviti p&p yang sesuai dengan keupayaan MBK. Standard Pembelajaran

pula membantu guru dalam merancang aktiviti p&p dan kaedah pentaksiran yang sesuai agar pencapaian sesuatu Standard Kandungan dapat disahkan. Guru boleh menggunakan Standard Prestasi dalam menentukan tahap prestasi atau pencapaian yang dipamerkan oleh murid.

Dalam melaksanakan p&p, penekanan perlu diberi kepada penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang dinyatakan secara eksplisit dalam pernyataan standard kurikulum. Selain itu, penekanan juga perlu diberi kepada elemen merentas kurikulum (EMK) seperti penggunaan TMK dalam p&p, penerapan elemen keusahawanan dan kreativiti serta inovasi bagi meningkatkan keupayaan MBK menghadapi cabaran masa kini dan akan datang.

### **MATLAMAT**

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas Pendidikan Islam bermatlamat melahirkan MBK (Ketidakupayaan Pendengaran) yang menghormati diri dan orang lain, berilmu, beramal, berketerampilan dan berakhlak mulia serta menyumbang ke arah mempertingkatkan tamadun bangsa dan negara.

### **OBJEKTIF**


Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas Pendidikan Islam Tahun Satu bertujuan membolehkan MBK (Ketidakupayaan Pendengaran) mencapai objektif berikut:

1. Mengenal huruf hijaiyyah dan membaca surah al-Fatihah dengan betul secara isyarat atau kod untuk memupuk minat membaca al-Quran dan mengamalkan pembacaannya dalam kehidupan seharian;
2. Memahami dan meyakini asas-asas akidah sebagai pegangan dan benteng dalam kehidupan harian serta asas dalam tindakan;
3. Memahami dan mengamalkan asas ibadah sebagai memenuhi tuntutan fardu ain dan fardu kifayah;
4. Memahami dan mengambil iktibar daripada sirah Rasulullah SAW bagi menanam rasa kecintaan kepada baginda;
5. Merumus dan mengamalkan tuntutan hadis serta menghayati kepentingannya dalam kehidupan harian;
6. Memahami, mengamalkan dan menghayati nilai-nilai akhlak dalam kehidupan seharian; dan
7. Membaca dan menulis tulisan jawi serta mencintainya sebagai warisan budaya bangsa.

## KERANGKA KURIKULUM SEKOLAH RENDAH

Kurikulum Standard Sekolah Rendah dibina berasaskan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains, Matematik dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu

sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Kesepaduan ini bertujuan membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketrampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Rendah

## FOKUS

Fokus Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas Pendidikan Islam Tahun Satu digubal untuk membolehkan MBK (Ketidakupayaan Pendengaran) menguasai asas ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan kepada al-Quran dan as-Sunah bagi melahirkan MBK (Ketidakupayaan Pendengaran) yang beriman, berilmu, berakhlak mulia, bertakwa dan beramal soleh melalui enam bidang utama iaitu al-Quran, akidah, ibadah, sirah, adab dan jawi. Penekanan yang sama diberi kepada semua bidang-bidang tersebut agar MBK (Ketidakupayaan Pendengaran) berupaya:

1. Mengenal huruf hijaiyyah dan membaca surah al-Fatihah dengan betul secara isyarat atau kod untuk memupuk minat membaca al-Quran dan mengamalkan pembacaannya dalam kehidupan seharian.
2. Memahami dan mempunyai akidah yang sahih, mengetahui mengenai peraturan akidah yang ditentukan oleh Allah SWT dan melaksanakannya, serta mengaplikasikan tuntutan akidah dalam kehidupan seharian.
3. Memahami dan mengamalkan asas ibadah sebagai memenuhi tuntutan fardu ain dan fardu kifayah.

4. Mengetahui peristiwa yang berlaku dan sirah Rasulullah SAW, serta mengambil iktibar daripada peristiwa-peristiwa dalam sirah Rasulullah SAW.
5. Mematuhi peraturan dan tatacara, serta berakhlak terhadap diri sendiri, keluarga, masyarakat, negara dan alam sekitar.
6. Mengenal dan membaca tulisan jawi, serta menulis tulisan jawi dengan baik.

### Rancangan Pendidikan Individu

Rancangan Pendidikan Individu (RPI) merupakan dokumen disediakan oleh guru bagi menjelaskan matlamat perancangan pendidikan yang dirancang untuk setiap MBK. RPI menjadi panduan guru dalam merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Dalam menyediakan RPI, guru melaksanakan penilaian pelbagai disiplin bagi memenuhi keperluan MBK. RPI dirancang khusus bagi individu MBK, dan dokumentasi dilakukan tentang segala pengubahsuaian dan penerapan ke atas rancangan pembelajaran dan perkhidmatan yang disediakan untuk MBK berkenaan. RPI turut memaklumkan ibu bapa dan pihak sekolah tentang

keperluan individu MBK dan bagaimana keperluan tersebut dirancang untuk dipenuhi. Bagi mencapai tujuan tersebut, perlu ada kerjasama dan kolaborasi antara pihak sekolah, ibubapa, dan MBK sendiri, dengan dibantu oleh pegawai pendidikan peringkat negeri dan daerah, dan individu dari agensi atau khidmat sokongan lain.

RPI memperincikan antara lain:

1. Tahap prestasi sedia ada MBK;
2. Perancangan akademik dan bukan akademik;
3. Matlamat pendidikan tahunan yang boleh dicapai MBK;
4. Objektif pendidikan yang boleh diukur;
5. Objektif, prosedur dan urutan pentaksiran bagi mengenal pasti perkembangan dalam pencapaian;
6. Perkhidmatan yang diperlukan oleh MBK;
7. Perancangan, jangkamasa dan tarikh sesuatu perkhidmatan dapat disediakan untuk MBK; dan
8. Perancangan dan persediaan bagi membantu dan membimbing MBK berinteraksi dengan persekitaran mereka.

## KEMAHIRAN ABAD KE-21

Satu daripada hasrat KSSR adalah bagi melahirkan murid yang mempunyai Kemahiran Abad Ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad 21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid seperti dalam Jadual 1 supaya berupaya bersaing di peringkat global. Penguasaan SK dan SP dalam kurikulum Pendidikan Islam Tahun Satu menyumbang kepada pemerolehan Kemahiran Abad Ke-21 dalam kalangan MBK (Ketidakupayaan Pendengaran).

Jadual 1: Profil Murid

Profil Murid	Penerangan
<b>Berdaya tahan</b>	Berkeupayaan menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi, dan empati.
<b>Mahir berkomunikasi</b>	Berkeupayaan menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif, melalui kaedah lisan, bertulis, dan mengguna pelbagai media serta teknologi.
<b>Pemikir</b>	Berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif; berkeupayaan menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Berfikir tentang pembelajaran dan diri sebagai individu yang sedang belajar. Mengemukakan soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baharu.



Profil Murid	Penerangan
<b>Kerja sepasukan</b>	Berkebolehan bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Menggalas tanggungjawab bersama, menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif, bagi menjadikan mereka pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik.
<b>Bersifat ingin tahu</b>	Berkeupayaan membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baharu. Mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiri dan penyelidikan, serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan.
<b>Berprinsip</b>	Berintegriti, jujur, saksama, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan dan keputusan yang dibuat.

Profil Murid	Penerangan
<b>Bermaklumat</b>	Berkeupayaan mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan, serta meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Memahami isu-isu etika / undang-undang berkaitan maklumat yang diperolehi.
<b>Penyayang/ Prihatin</b>	Menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar.
<b>Patriotik</b>	Mempamerkan semangat kekitaan, kasih sayang, kesetiaan, kebanggaan, dan rasa hormat terhadap negara.

## KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan MBK. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti Jadual 2.

Jadual 2: Tahap pemikiran dalam KBAT

Tahap pemikiran	Penerangan
<b>Mengaplikasi</b>	Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara
<b>Menganalisis</b>	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubungan kait antara bahagian berkenaan
<b>Menilai</b>	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan nilai serta memberi justifikasi
<b>Mencipta</b>	Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul dan strategi berfikir.

**Kemahiran berfikir kritis** adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

**Kemahiran berfikir kreatif** adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

**Kemahiran menaakul** adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

**Strategi berfikir** merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasikan dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyoalan aras tinggi untuk menggalakkan MBK berfikir.

## **STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

Strategi p&p yang dirancang perlu memberi penekanan kepada pembelajaran berpusatkan murid dan p&p berasaskan aktiviti. Murid dilibatkan secara aktif dalam p&p yang menyepadukan pemerolehan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan penerapan sikap dan nilai murni. Bagi meningkatkan minat dan keseronokan belajar, guru boleh mempelbagaikan pendekatan pengajaran seperti pembelajaran berasaskan inkuiri, konstruktivisme, pembelajaran kontekstual, pembelajaran masteri, perbincangan, analisis tugas, belajar melalui bermain, pengajaran bertema, pembelajaran pengalaman, pendekatan kolaborasi dan multi sensori.

### **Pembelajaran Berasaskan Inkuiri**

Pembelajaran berasaskan inkuiri merupakan pendekatan yang mementingkan pembelajaran melalui pengalaman. Inkuiri secara

am bermaksud mencari maklumat, menyoal dan menyiasat tentang sesuatu fenomena yang berlaku. Pembelajaran secara inkuiri berlaku apabila konsep dan prinsip utama dikaji dan ditemui oleh murid sendiri.

### **Konstruktivisme**

Konstruktivisme merupakan fahaman yang mencadangkan murid belajar sesuatu dengan cara membina sendiri pemahaman yang bermakna kepada diri mereka. Antara unsur penting dalam konstruktivisme adalah:

1. Guru mengambil kira pengetahuan sedia ada murid.
2. Pembelajaran adalah hasil usaha murid sendiri.
3. Pembelajaran berlaku apabila murid menghubungkan idea asal dengan idea baharu bagi menstruktur semula idea mereka.
4. Murid berpeluang bekerjasama, berkongsi idea dan pengalaman serta membuat refleksi.

### **Pembelajaran Kontekstual**

Pembelajaran Kontekstual adalah pembelajaran yang dikaitkan dengan kehidupan harian murid. Pendekatan ini melibatkan murid belajar secara menyiasat seperti pendekatan pembelajaran berasaskan inkuiri. Dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran kontekstual, perkaitan antara ilmu yang diajar

dengan kehidupan harian dieksplisitkan. Murid tidak hanya belajar secara teori semata-mata, bahkan dapat menghayati kerelevanan ilmu yang dipelajari dengan kehidupan harian.

### **Pembelajaran Masteri**

Pendekatan Masteri memastikan semua murid menguasai standard pembelajaran yang ditetapkan sebelum berpindah ke standard pembelajaran seterusnya. Pendekatan ini berpegang kepada prinsip bahawa setiap murid mampu belajar jika diberi peluang. Peluang perlu diberi kepada murid untuk belajar mengikut kadarnya. Aktiviti pemulihan dan pengayaan perlu dilaksanakan bagi murid yang belum menguasai asas masteri, sementara aktiviti pengayaan dilaksanakan oleh murid yang telah mencapai aras masteri.

### **Perbincangan**

Perbincangan adalah aktiviti di mana murid menyoal dan mengemukakan pendapat berlandaskan alasan yang sah. Semasa perbincangan, murid perlu mempunyai fikiran terbuka untuk menerima pendapat pihak lain. Guru boleh bertindak sebagai fasilitator dengan mengemukakan soalan bagi memandu murid ke arah tajuk perbincangan. Perbincangan boleh dijalankan sebelum, semasa dan selepas menjalankan aktiviti.

### **Analisis Tugas**

Pendekatan Analisis Tugas (PAT) melibatkan proses pembahagian kemahiran kepada beberapa komponen atau langkah mudah yang dapat dikuasai dan dipelajari oleh seseorang murid. PAT membantu guru menyusun atur kemahiran yang hendak diajar, memberi latihan yang konsisten dan menilai tahap pencapaian murid. PAT boleh dilaksanakan seperti berikut:

1. Memastikan kemahiran yang sesuai diajar pada murid mengikut tahap keupayaan.
2. Huraikan secara ringkas kemahiran dipilih.
3. Kemahiran yang dipilih dipecahkan kepada langkah-langkah kecil.
4. Buat penyesuaian langkah pembelajaran mengikut keupayaan dan kebolehan murid.
5. Guru membuat pemerhatian dan penilaian terhadap kemahiran yang dikuasai murid.
6. Membuat penambahan dan perubahan di mana perlu sehingga murid dapat menguasai kemahiran yang hendak diajar.

### **Pembelajaran Berasaskan Projek**

Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) merupakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan inkuiri. PBP

memerlukan murid untuk memberi tumpuan kepada persoalan atau masalah yang kompleks, menyelesaikan masalah tersebut melalui proses penyiasatan secara bekerjasama dalam suatu tempoh waktu. Projek yang dijalankan adalah untuk menyiasat topik atau isu yang dihadapi murid dalam persekitaran sebenar. Semasa menjalankan proses penyiasatan ini, murid dapat mempelajari kandungan, maklumat dan fakta-fakta yang diperlukan untuk membuat kesimpulan tentang persoalan atau masalah yang ditimbulkan. Melalui PBP murid dapat mempelajari kemahiran yang dihasratkan dan mengasah kemahiran berfikir mereka sendiri.

### **Belajar Melalui Bermain**

Pendekatan Belajar Melalui Bermain (BMB) ditekankan dalam proses p&p bagi murid khususnya MBK kerana pendekatan ini berupaya menarik minat dan menimbulkan keseronokan ketika belajar. BMB menggalakan MBK melakukan penerokaan, penemuan dan pembinaan kefahaman berdasarkan pengalaman, dengan rasa gembira dan seronok. Pendekatan ini boleh meningkatkan keupayaan kognitif dan meningkatkan rasa ingin tahu, penguasaan kemahiran berfikir dan psikomotor, serta kemahiran mengendalikan emosi.

Ciri pendekatan bermain sambil belajar yang ditekankan termasuk:

1. Aktiviti yang menyeronokkan.
2. Penerokaan dan interaksi dengan persekitaran.
3. Permainan bebas dan terancang.
4. Keanjalan masa.
5. Percubaan idea sendiri.
6. Peluang untuk memberikan tumpuan dan perhatian.

### **Pengajaran Bertema**

Pendekatan Pengajaran Bertema (PB) digunakan dalam proses p&p murid khususnya MBK. Pemilihan topik atau tema mestilah bersesuaian dengan persekitaran murid.

Pendekatan PB melibatkan:

1. Penggunaan suatu tajuk umum merentasi bidang pembelajaran.
2. Pemilihan tajuk tema berasaskan kesesuaian tahap murid, situasi tertentu atau peristiwa semasa.
3. Saling berkaitan dengan pengalaman sedia ada dan pengalaman baru yang diperoleh secara tersusun dan sistematik.
4. Peluasan dan pengukuhan pengetahuan dan kemahiran

5. Pemeringkatan daripada yang mudah kepada yang sukar dan umum kepada yang lebih khusus.

Pemilihan tema pula perlu mengambil kira:

1. Kesesuaian dengan kehidupan murid.
2. Peluang untuk mengaplikasi kemahiran kepada murid-murid seperti kemahiran asas mendengar, membaca, menulis, mengira, penggunaan komputer dan lain-lain.
3. Kemahiran yang diperoleh daripada tema yang diajar dapat membantu murid mendapat kemahiran penyelesaian masalah.
4. Sumber yang mudah didapati.
5. Mengikut musim atau peristiwa untuk memberi kesedaran dan pengukuhan serta meningkatkan pengetahuan murid.

### **Pembelajaran Pengalamian**

Pendekatan Pembelajaran Pengalamian adalah berdasarkan kesediaan dan keupayaan individu murid khususnya MBK. Pendekatan ini meningkatkan arah sendiri individu di mana murid diberi peluang menilai keupayaan diri sendiri.

Dalam melaksanakan pendekatan ini, guru berperanan:

1. Menentukan suasana yang positif untuk proses pembelajaran.

2. Menjelaskan peranan murid dalam tugas.
3. Memastikan sumber untuk proses pembelajaran ada dan mudah diperolehi.
4. Menyusun sumber untuk proses pembelajaran.
5. Seimbangkan komponen intelek dan emosi dalam pembelajaran.
6. Berkongsi perasaan dan pemikiran dengan murid tanpa menguasai dan mengongkang mereka.

Proses pembelajaran bagi Pendekatan Pengalamian ialah:

1. Guru menentukan matlamat dan objektif untuk individu serta kumpulan.
2. Aktiviti pembelajaran yang dibentuk adalah mewujudkan suasana pembelajaran yang sesuai dengan kesediaan murid.
3. Guru perlu menjelaskan tentang tugas atau aktiviti yang akan dijalankan dengan murid dan berbincang mengenai apa yang diharapkan daripada murid.
4. Murid perlu ditempatkan dalam situasi atau suasana yang memerlukan kemahiran baru atau sokongan dan peneguhan dengan pengalaman lalu.

5. Pembelajaran berlaku melalui pengalaman pembelajaran dan berikan maklumat tentang apa yang dibuat atau dipelajari.
6. Berikan bantuan, latihan dan peneguhan dengan mengaitkan pembelajaran yang baru dalam kehidupan sebenar murid seperti sekolah, keluarga dan komuniti.

### **Pembelajaran Luar Bilik Darjah**

Pendekatan ini bertujuan menyediakan ruang dan peluang untuk murid:

1. Memperoleh pengalaman sebenar.
2. Berekreasi.
3. Bersosialisasi dan berkomunikasi.
4. Melaksanakan aktiviti yang mengembirakan.
5. Meneroka dan berinteraksi dengan persekitaran.
6. Melakukan aktiviti bebas dan aktiviti terancang.

Antara aktiviti rekreasi di luar bilik darjah termasuk lawatan, perkhemahan/kursus motivasi, perkelahan, aktiviti berkuda, berenang dan aktiviti menjual beli.

## ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (p&p) selain yang ditetapkan dalam standard kandungan. Elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen dalam EMK adalah seperti berikut:

### 1. Bahasa

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.
- Semasa p&p bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

### 2. Kelestarian Alam Sekitar

- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui P&p semua mata pelajaran.

- Pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam.

### 3. Nilai Murni

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

### 4. Sains Dan Teknologi

- Menambahkan minat terhadap sains dan teknologi dapat meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian Sains dan Teknologi dalam P&p merangkumi empat perkara iaitu:



- Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi);
- Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu);
- Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan); dan
- Penggunaan teknologi dalam aktiviti p&p.

### 5. Patriotisme

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat.
- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

### 6. Kreativiti Dan Inovasi

- Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suaian, membaiki dan mempraktikkan idea.

- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran abad ke-21.
- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam p&p.

### 7. Keusahawanan

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.
- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam p&p melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

### 8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi

- Penerapan elemen TMK dalam p&p memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan p&p lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.

## PENTAKSIRAN

Pentaksiran adalah proses pengumpulan maklumat melalui pelbagai kaedah seperti kerja rumah, pembentangan, kerja projek, ujian dan sebagainya. Pentaksiran ialah satu alat pengukur bagi menilai pencapaian murid dalam memperoleh pengetahuan, menguasai kemahiran dan mengamalkan nilai di samping memberi maklum balas tentang keberkesanan sesi p&p. Pentaksiran juga menyokong pembelajaran MBK dan memberi maklum balas yang berguna kepada pihak berkepentingan seperti pentadbir, guru dan ibu bapa atau penjaga tentang perkembangan MBK.

Pentaksiran boleh dilaksanakan secara formatif atau sumatif. Tujuan utama pentaksiran formatif adalah untuk memantau perkembangan pembelajaran murid. Adalah penting bagi guru merekabentuk instrumen pentaksiran yang sah dan boleh dipercayai bagi tujuan mendapatkan data autentik. Maklumat yang dikumpul melalui pentaksiran formatif membantu guru menentukan kekuatan dan kelemahan murid dalam mencapai sesuatu standard kandungan atau standard pembelajaran bagi sesuatu mata pelajaran. Maklumat yang dikumpul juga membantu guru mengadaptasi p&p berdasarkan keperluan dan keupayaan murid mereka.

Pentaksiran sumatif pula dilaksanakan di akhir p&p satu set standard kandungan atau secara berkala. Pentaksiran sedemikian bertujuan untuk menilai pencapaian MBK dalam menguasai standard kandungan bagi sesuatu mata pelajaran.

Pentaksiran yang menyeluruh perlu dirancang dengan baik dan dijalankan secara berterusan sebagai sebahagian daripada aktiviti di bilik darjah. Usaha guru dalam melaksanakan pentaksiran yang holistik di samping membantu memperbaiki kelemahan murid akan membentuk ekosistem pembelajaran yang kondusif dan seimbang.

Dalam usaha memastikan pentaksiran membantu meningkatkan keupayaan dan pencapaian murid, guru harus menggunakan strategi pentaksiran yang mempunyai ciri-ciri berikut:

1. Pelbagai bentuk.
2. Adil kepada semua murid.
3. Mengambil kira pelbagai aras kognitif
4. Membolehkan murid mempamerkan pelbagai keupayaan pembelajaran.

5. Mengambil kira pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari oleh murid dan mentaksir sejauh mana mereka fahami.

Pentaksiran Sekolah (PS) merupakan antara satu komponen utama dalam p&p kerana ia berperanan mengukuhkan pembelajaran murid, meningkatkan keberkesanan pengajaran guru dan mampu memberi maklumat yang sah tentang apa yang telah dilaksanakan atau dicapai dalam p&p. PS dilaksanakan oleh guru dan pihak sekolah sepenuhnya bermula dengan perancangan, pembinaan item dan instrumen pentaksiran, pentadbiran, pemeriksaan atau penskoran, perekodan hingga pelaporan. PS penting untuk menentukan keberkesanan guru dan pihak sekolah dalam usaha membentuk insan yang harmonis dan seimbang. PS merupakan aktiviti berterusan yang menuntut komitmen yang tinggi, dan hala tuju yang jelas di pihak guru dan sekolah untuk memperkembangkan potensi MBK ke tahap tertinggi mengikut keupayaan masing-masing. PS mempunyai ciri-ciri berikut:

- Holistik iaitu mampu memberi maklumat menyeluruh tentang penguasaan, pengetahuan, kemahiran, dan pengamalan nilai murni;

- Berterusan iaitu aktiviti pentaksiran berjalan seiring dengan p&p;
- Fleksibel iaitu kaedah pentaksiran yang pelbagai mengikut kesesuaian dan kesediaan murid; dan
- Merujuk Standard Prestasi yang dibina berdasarkan Standard Kurikulum.

PS boleh dilaksanakan secara:

- Pentaksiran formatif yang dijalankan seiring dengan proses p&p.
- Pentaksiran sumatif yang dijalankan pada akhir unit pembelajaran, semester atau tahun.

### **Pentaksiran Rujukan Standard**

**Standard Prestasi** diguna untuk melihat kemajuan dan perkembangan murid dalam pembelajaran, serta prestasi seseorang murid. Pentaksiran Rujukan Standard merupakan proses mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid tahu, faham dan boleh buat atau telah menguasai apa yang dipelajari berdasarkan pernyataan standard prestasi yang ditetapkan. Pentaksiran sedemikian tidak membandingkan pencapaian seseorang murid dengan murid lain. Prestasi murid dilaporkan dengan menerangkan tentang kemajuan dan pertumbuhan murid

dalam pembelajaran. Murid dinilai secara adil dan saksama sebagai individu dalam masyarakat berdasarkan keupayaan, kebolehan, bakat, kemahiran dan potensi diri tanpa dibandingkan dengan orang lain.

Pihak sekolah berupaya mendapatkan maklum balas yang lengkap dalam bentuk data kualitatif dan kuantitatif. Maklumat yang diperolehi membolehkan pihak yang bertanggungjawab mengenali, memahami, menghargai, serta mengiktiraf murid sebagai insan yang berguna, penting dan mempunyai potensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara dan bangsa.

Pentaksiran bagi setiap kelompok Standard Kandungan boleh dijalankan dengan menggunakan Standard Prestasi sebagai skala rujukan guru bagi menentukan tahap penguasaan MBK bagi Standard Kandungan yang ditetapkan.

Standard Prestasi menunjukkan enam Tahap Penguasaan (TP) yang merujuk kepada aras penguasaan yang disusun secara hieraki, dan diguna bagi tujuan pelaporan. Pentaksiran yang dibuat seharusnya mengintegrasikan kandungan, kemahiran dan nilai untuk melihat sejauh mana murid menguasai Standard Kandungan tertentu secara holistik. Jadual 5 menyenaraikan maksud dan tafsiran umum tentang setiap tahap penguasaan bagi

mata pelajaran KSSR Pendidikan Khas Pendidikan Islam Tahun Satu.

Jadual 5: Tafsiran Umum KSSR Pendidikan Khas Pendidikan Islam Tahun Satu.

<b>Tahap Penguasaan</b>	<b>Kemahiran</b>	<b>Tafsiran</b>
<b>1</b>	<b>Ilmu</b>	Murid menguasai asas penghayatan, kemahiran dan nilai dalam tajuk yang dipelajari.
<b>2</b>	<b>Amali</b>	Murid menjelaskan konsep atau menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai secara praktik dalam tajuk yang dipelajari.
<b>3</b>	<b>Amalan</b>	Murid mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai daripada tajuk yang dipelajari dalam kehidupan seharian.
<b>4</b>	<b>Iltizam</b>	Murid menjadikan pengetahuan, kemahiran dan nilai daripada tajuk yang dipelajari sebagai amalan dan melakukannya secara bersungguh-sungguh serta bertanggungjawab melaksanakan sesuatu dalam kehidupan seharian

Tahap Penguasaan	Kemahiran	Tafsiran
5	Penghayatan	Murid memberi justifikasi atau istiqamah terhadap tindakan yang dilakukan dalam kehidupan seharian berdasarkan pengetahuan, kemahiran dan nilai daripada tajuk yang dipelajari
6	Pentabiatan	Murid mengalami perubahan tingkah laku, cara pemikiran serta mempamerkan ciri-ciri kepimpinan sebagai seorang yang bertakwa berdasarkan pengetahuan, kemahiran dan nilai daripada tajuk yang telah dipelajari dan boleh dicontohi atau boleh membimbing orang lain

### ORGANISASI KANDUNGAN

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas Pendidikan Islam Tahun Satu diorganisasi mengikut bidang seperti berikut:

1. Al-Quran
2. Akidah
3. Ibadah
4. Sirah
5. Adab
6. Jawi

Kandungan kurikulum disusun di bawah tiga lajur iaitu Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi. Penerangan mengenai setiap lajur adalah seperti di Jadual 6.

Jadual 6: Organisasi DSKP

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Standard Prestasi
Pernyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan yang merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.	Satu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap Standard Kandungan.	Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid ( <i>indicator of success</i> )



## 1.0 AL-QURAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1.1 Huruf hijaiyyah tunggal	<b>Murid berupaya:</b> 1.1.1. Menenal huruf hijaiyyah tunggal. 1.1.2. Membaca huruf hijaiyyah tunggal.	1	Mengenal dan mengecam huruf hijaiyyah tunggal.
		2	Mengenal dan menyebut huruf hijaiyyah tunggal.
		3	Membaca huruf hijaiyyah tunggal dengan betul.
		4	Membaca huruf hijaiyyah tunggal dengan betul, lancar dan bersungguh-sungguh.
		5	Membaca huruf hijaiyyah tunggal dengan betul, lancar dan istiqamah.
		6	Membaca huruf hijaiyyah tunggal dengan betul, lancar dan dapat dicontohi bacaannya atau boleh membimbing orang lain.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>1.2 Huruf hijaiyyah tunggal yang berbaris satu</b>	<b>Murid berupaya:</b>  1.2.1 Membaca huruf hijaiyyah tunggal berbaris satu di atas.  1.2.2 Membaca huruf hijaiyyah tunggal berbaris satu di bawah.  1.2.3 Membaca huruf hijaiyyah tunggal berbaris satu di hadapan.	<b>1</b>	Mengenal dan mengenali huruf hijaiyyah tunggal berbaris satu atas, bawah dan depan.
		<b>2</b>	Membaca huruf hijaiyyah tunggal berbaris satu atas, bawah dan depan.
		<b>3</b>	Membaca huruf hijaiyyah tunggal berbaris satu atas, bawah dan depan dengan betul.
		<b>4</b>	Membaca huruf hijaiyyah tunggal berbaris satu atas, bawah dan depan dengan betul, lancar dan bersungguh-sungguh.
		<b>5</b>	Membaca huruf hijaiyyah tunggal berbaris satu atas, bawah dan depan dengan betul, lancar dan istiqamah.
		<b>6</b>	Membaca huruf hijaiyyah tunggal berbaris satu atas, bawah dan depan dengan betul, lancar dan dapat dicontohi bacaannya atau boleh membimbing orang lain.



STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>1.3 Huruf hijaiyyah tunggal yang berbaris dua</b>	<b>Murid berupaya:</b>  1.3.1 Membaca huruf hijaiyyah tunggal berbaris dua di atas.  1.3.2 Membaca huruf hijaiyyah tunggal berbaris dua di bawah.  1.3.3 Membaca huruf hijaiyyah tunggal berbaris dua di hadapan.	<b>1</b>	Mengenal dan mengecam huruf hijaiyyah bersambung berbaris dua atas, bawah dan depan.
		<b>2</b>	Mengenal dan menyebut huruf hijaiyyah bersambung berbaris dua atas, bawah dan depan.
		<b>3</b>	Membaca huruf hijaiyyah bersambung berbaris dua atas, bawah dan depan dengan betul.
		<b>4</b>	Membaca huruf hijaiyyah bersambung berbaris dua atas, bawah dan depan dengan betul, lancar dan bersungguh-sungguh.
		<b>5</b>	Membaca huruf hijaiyyah bersambung berbaris dua atas, bawah dan depan dengan betul, lancar dan istiqamah.
		<b>6</b>	Membaca huruf hijaiyyah bersambung berbaris dua atas, bawah dan depan dengan betul, lancar dan dapat dicontohi bacaannya atau boleh membimbing orang lain.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>1.4 Huruf hijaiyyah bersambung yang berbaris satu</b>	<b>Murid berupaya:</b>		
	1.4.1 Membaca huruf hijaiyyah bersambung berbaris satu di atas.	<b>1</b>	Mengenal dan mengenali huruf hijaiyyah bersambung berbaris satu atas, bawah dan depan.
	1.4.2 Membaca huruf hijaiyyah bersambung berbaris satu di bawah.	<b>2</b>	Mengenal dan menyebut huruf hijaiyyah bersambung berbaris satu atas, bawah dan depan.
	1.4.3 Membaca huruf hijaiyyah bersambung berbaris satu di hadapan.	<b>3</b>	Membaca huruf hijaiyyah bersambung berbaris satu atas, bawah dan depan dengan betul.
		<b>4</b>	Membaca huruf hijaiyyah bersambung berbaris satu atas, bawah dan depan dengan betul, lancar dan bersungguh-sungguh.
		<b>5</b>	Membaca huruf hijaiyyah bersambung berbaris satu atas, bawah dan depan dengan betul, lancar dan istiqamah.
		<b>6</b>	Membaca huruf hijaiyyah bersambung berbaris satu atas, bawah dan depan dengan betul, lancar dan dapat dicontohi bacaannya atau boleh membimbing orang lain.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>1.5 Huruf hijaiyyah bersambung yang berbaris dua</b>	<b>Murid berupaya:</b>  1.5.1 Membaca huruf hijaiyyah bersambung yang berbaris dua atas.  1.5.2 Membaca huruf hijaiyyah bersambung yang berbaris dua bawah.  1.5.3 Membaca huruf hijaiyyah bersambung yang berbaris dua depan.	<b>1</b>	Mengenal dan mengenali huruf hijaiyyah bersambung yang berbaris dua atas, bawah dan depan.
		<b>2</b>	Mengenal dan menyebut huruf hijaiyyah bersambung yang berbaris dua atas, bawah dan depan.
		<b>3</b>	Membaca huruf hijaiyyah bersambung yang berbaris dua atas, bawah dan depan dengan betul.
		<b>4</b>	Membaca huruf hijaiyyah bersambung yang berbaris dua atas, bawah dan depan dengan betul, lancar dan bersungguh-sungguh.
		<b>5</b>	Membaca huruf hijaiyyah bersambung yang berbaris dua atas, bawah dan depan dengan betul, lancar dan istiqamah.
		<b>6</b>	Membaca huruf hijaiyyah bersambung yang berbaris dua atas, bawah dan depan dengan betul, lancar dan dapat dicontohi bacaannya atau boleh membimbing orang lain.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>1.6 Huruf hijaiyyah bersambung (kalimah) pelbagai baris dan tanda</b>	<b>Murid berupaya:</b>  1.6.1 Membaca huruf hijaiyyah bersambung pelbagai baris dan tanda.  1.6.2 Membaca kalimah pelbagai baris dan tanda.	<b>1</b>	Mengenal dan mengenali pelbagai baris dan tanda.
		<b>2</b>	Mengenal dan membaca huruf hijaiyyah bersambung pelbagai baris dan tanda.
		<b>3</b>	Membaca kalimah pelbagai baris dan tanda dengan betul.
		<b>4</b>	Membaca kalimah pelbagai baris dan tanda dengan betul, lancar dan bersungguh-sungguh.
		<b>5</b>	Membaca kalimah pelbagai baris dan tanda dengan betul, lancar dan istiqamah.
		<b>6</b>	Membaca kalimah pelbagai baris dan tanda dengan betul, lancar dan dapat dicontohi bacaannya atau boleh membimbing orang lain.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>1.7 Surah al-Fatihah</b>	<b>Murid berupaya:</b>  1.7.1 Mengenal dan mengenali surah al-Fatihah.  1.7.2 Mengenal, mengenali dan membaca setiap kalimah dalam surah al-Fatihah.  1.7.3 Membaca ayat dalam surah al-Fatihah.	<b>1</b>	Mengenal dan mengenali Surah Al Fatihah.
		<b>2</b>	Mengenal dan menyebut setiap kalimah dalam surah al-Fatihah.
		<b>3</b>	Membaca ayat dari surah al-Fatihah dengan betul.
		<b>4</b>	Membaca surah al-Fatihah dengan betul, lancar dan bersungguh-sungguh.
		<b>5</b>	Membaca ayat dalam surah al-Fatihah dengan betul, lancar dan istiqamah.
		<b>6</b>	Membaca ayat dalam surah al-Fatihah dengan betul, lancar dan dapat dicontohi bacaannya atau boleh membimbing orang lain.

## 2.0 AKIDAH

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
2.1 Rukun Iman	<b>Murid berupaya:</b> 2.1.1 Menyatakan pengertian Rukun Iman. 2.1.2 Menyenaikan Rukun Iman. 2.1.3 Menyatakan faedah beriman kepada Rukun Iman. 2.1.4 Menyatakan akibat tidak beriman kepada Rukun Iman.	1	Menyatakan pengertian Rukun Iman.
		2	Menyenaikan Rukun Iman.
		3	Menerangkan konsep Rukun Iman dengan betul.
		4	Menerangkan konsep Rukun Iman dengan betul dan menjadikannya asas pegangan dalam kehidupan seharian.
		5	Menerangkan konsep Rukun Iman sebagai pegangan dan istiqamah mengamalkannya dalam kehidupan seharian.
		6	Menghuraikan konsep Rukun Iman dan menjadikannya sebagai pegangan dalam kehidupan seharian dan dapat dicontohi atau boleh membimbing orang lain.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>2.2 Beriman Kepada Allah</b>	<b>Murid berupaya:</b>  2.2.1 Menyatakan pengertian beriman kepada Allah.  2.2.2 Menyatakan dalil tentang kewujudan dan kebesaran Allah berdasarkan pengertian beriman kepada Allah.	<b>1</b>	Menyatakan pengertian beriman kepada Allah.
		<b>2</b>	Menyatakan dalil tentang kewujudan dan kebesaran Allah.
		<b>3</b>	Menerangkan konsep beriman kepada Allah dengan betul.
		<b>4</b>	Menjelaskan konsep beriman kepada Allah dengan betul dan menjadikannya asas pegangan dalam kehidupan seharian.
		<b>5</b>	Menerangkan konsep beriman kepada Allah sebagai pegangan dan istiqamah mengamalkannya dalam kehidupan seharian.
		<b>6</b>	Menghuraikan konsep beriman kepada Allah dan menjadikannya sebagai pegangan dalam kehidupan seharian dan dapat dicontohi atau boleh membimbing orang lain.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>2.3 Rukun Islam</b>	<b>Murid berupaya:</b>		
	2.3.1 Menyatakan pengertian Rukun Islam.	1	Menyatakan pengertian Rukun Islam.
	2.3.2 Menyenaikan Rukun Islam.	2	Menyenaikan Rukun Islam.
	2.3.3 Menyatakan faedah beramal dengan Rukun Islam.	3	Menerangkan konsep Rukun Islam dengan betul.
	2.3.4 Menyatakan akibat tidak beramal dengan Rukun Islam.	4	Menerangkan konsep Rukun Islam dengan menjadikannya sebagai asas dalam kehidupan seharian.
		5	Menerangkan konsep Rukun Islam sebagai pegangan dan istiqamah mengamalkannya dalam kehidupan seharian.
	6	Menghuraikan konsep Rukun Islam dan menjadikannya sebagai pegangan dalam kehidupan seharian dan dapat dicontohi atau boleh membimbing orang lain.	



STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>2.4 Kalimah Syahadah</b>	<b>Murid berupaya:</b> 2.4.1 Menyatakan kalimah syahadah. 2.4.2 Mengetahui erti kalimah syahadah. 2.4.3 Mengetahui maksud kalimah syahadah.	<b>1</b>	Mengenal dan membaca kalimah syahadah dengan betul.
		<b>2</b>	Menyatakan erti kalimah syahadah.
		<b>3</b>	Menerangkan maksud kalimah syahadah.
		<b>4</b>	Menerangkan maksud kalimah syahadah dan mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian.
		<b>5</b>	Menerangkan maksud kalimah syahadah dan menjadikannya sebagai pegangan dalam kehidupan seharian.
		<b>6</b>	Menghuraikan maksud kalimah syahadah dan menjadikannya sebagai pegangan dalam kehidupan seharian dan dapat dicontohi atau boleh membimbing orang lain.

### 3.0 IBADAH

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>3.1 Bersuci</b>	<b>Murid berupaya:</b>		
	3.1.1 Menyatakan pengertian bersuci dan hukumnya.	<b>1</b>	Menyatakan pengertian bersuci.
	3.1.2 Menyenaraikan cara-cara bersuci.	<b>2</b>	Menjelaskan konsep dan cara bersuci.
	3.1.3 Menyatakan faedah bersuci.	<b>3</b>	Menunjukkan cara dan mempraktikkan bersuci dalam kehidupan seharian.
	3.1.4 Menjelaskan akibat tidak bersuci.		
		<b>4</b>	Menjelaskan dan mengamalkan bersuci secara sempurna dan bersungguh-sungguh dalam kehidupan seharian.
		<b>5</b>	Menjelaskan dan mengamalkan bersuci secara sempurna serta istiqamah dalam kehidupan seharian.
	<b>6</b>	Menjelaskan dan mengamalkan bersuci secara istiqamah dalam kehidupan seharian serta dapat dicontohi atau boleh membimbing orang lain.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>3.2 Istinjak</b>	<b>Murid berupaya:</b>  3.2.1 Menyatakan pengertian Istinjak.  3.2.2 Menyatakan cara-cara beristinjak.  3.2.3 Menyenaraikan alat-alat Istinjak.  3.2.4 Menjelaskan kepentingan Istinjak.  3.2.5 Menyatakan adab-adab sebelum, semasa, dan selepas qada' hajat berdasarkan konsep Istinjak.	1	Menyatakan maksud Istinjak.
		2	Menjelaskan konsep dan cara Istinjak.
		3	Menjelaskan konsep dan mempraktikkan Istinjak dalam kehidupan seharian.
		4	Menjelaskan dan mengamalkan Istinjak secara sempurna dan bersungguh-sungguh dalam kehidupan seharian.
		5	Menjelaskan dan mengamalkan Istinjak secara sempurna serta istiqamah dalam kehidupan seharian.
		6	Menjelaskan dan mengamalkan Istinjak secara istiqamah dalam kehidupan seharian serta dapat dicontohi atau boleh membimbing orang lain.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>3.3 Wuduk</b>	<b>Murid berupaya:</b>  3.3.1 Mengetahui pengertian dan anggota wuduk.  3.3.2 Menyatakan cara-cara berwuduk.  3.3.3 Melakukan perlakuan wuduk dengan betul mengikut tertib.	1	Menyatakan pengertian dan anggota wuduk.
		2	Menyatakan cara-cara berwuduk dengan betul.
		3	Menjelaskan perlakuan dan mempraktikkan berwuduk dalam kehidupan seharian.
		4	Menjelaskan dan mengamalkan perlakuan berwuduk secara sempurna dan bersungguh-sungguh dalam kehidupan seharian.
		5	Menjelaskan dan mengamalkan perlakuan berwuduk secara sempurna serta istiqamah dalam kehidupan seharian.
		6	Menjelaskan dan mengamalkan perlakuan berwuduk secara istiqamah dalam kehidupan seharian serta dapat dicontohi atau boleh membimbing orang lain.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>3.4 Perlakuan Dalam Solat</b>	<b>Murid berupaya:</b>  3.4.1 Menyatakan perlakuan dalam solat.  3.4.2 Melakukan perlakuan dalam solat dengan betul dan mengikut urutan.	<b>1</b>	Menyatakan perlakuan dalam solat.
		<b>2</b>	Menyenaraikan perlakuan dalam solat.
		<b>3</b>	Mendemonstrasikan perlakuan dalam solat dengan betul dan mengikut urutan.
		<b>4</b>	Mempraktikkan perlakuan dalam solat dengan betul dan mengikut urutan dalam kehidupan seharian.
		<b>5</b>	Mempraktikkan perlakuan dalam solat dengan betul dan mengikut urutan serta istiqamah dalam kehidupan seharian.
		<b>6</b>	Mempraktikkan perlakuan dalam solat dengan betul dan mengikut urutan dalam kehidupan seharian serta dapat dicontohi atau boleh membimbing orang lain.

## 4.0 SIRAH

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
4.1 Keturunan Nabi Muhammad SAW	<b>Murid berupaya:</b> 4.1.1 Menyatakan nama ibubapa Nabi Muhammad SAW. 4.1.2 Menyatakan salasilah keturunan Nabi Muhammad SAW sebelah bapa dan ibu.	1	Mengenal nama bapa, ibu dan datuk Nabi Muhammad SAW.
		2	Menyebut nama bapa, ibu dan datuk Nabi Muhammad SAW
		3	Menjelaskan keturunan Nabi Muhammad SAW.
		4	Mengelaskan dan menyenaraikan salasilah keturunan Nabi Muhammad SAW secara bersungguh-sungguh.
		5	Menjelaskan dan menghuraikan salasilah keturunan Nabi Muhammad SAW secara sempurna serta istiqamah.
		6	Menceritakan salasilah keturunan Nabi Muhammad SAW dengan sempurna dan dapat dicontohi atau boleh membimbing orang lain.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>4.2 Kisah penyusuan Nabi Muhammad SAW</b>	<b>Murid berupaya:</b>  4.2.1 Menyatakan nama-nama wanita yang menyusukan Nabi Muhammad SAW.  4.2.2 Menyatakan kisah penyusuan Nabi Muhammad SAW.  4.2.3 Menerangkan iktibar dari kisah penyusuan Nabi Muhammad SAW.	<b>1</b>	Menyenaraikan nama-nama ibu susuan Nabi Muhammad SAW.
		<b>2</b>	Menyatakan kisah penyusuan Nabi Muhammad SAW.
		<b>3</b>	Menerangkan kesan kisah penyusuan Nabi Muhammad terhadap kehidupan seharian.
		<b>4</b>	Menganalisis dan menjelaskan iktibar dari kisah penyusuan Nabi Muhammad SAW terhadap kehidupan seharian dengan bersungguh-sungguh.
		<b>5</b>	Menganalisis dan mengaplikasikan iktibar dari kisah penyusuan Nabi Muhammad SAW dalam kehidupan seharian secara istiqamah.
		<b>6</b>	Menganalisis dan mengaplikasikan iktibar dari kisah penyusuan Nabi Muhammad SAW secara istiqamah serta boleh membimbing orang lain memahami kisah tersebut.

## 5.0 ADAB

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>5.1 Adab terhadap ibubapa</b>	<b>Murid berupaya:</b>		
	5.1.1 Menyatakan adab terhadap ibubapa.	<b>1</b>	Menyenaraikan adab terhadap ibubapa.
	5.1.2 Membaca doa kesejahteraan ibubapa.	<b>2</b>	Menjelaskan adab terhadap ibubapa.
	5.1.3 Menunjukkan contoh adab terhadap ibubapa.	<b>3</b>	Menunjuk cara adab terhadap ibubapa dan mengaplikasikannya dengan betul.
	5.1.4 Mengenal pasti kepentingan adab terhadap ibubapa.	<b>4</b>	Menjelaskan kepentingan adab terhadap ibubapa serta membudayakannya dalam kehidupan seharian.
		<b>5</b>	Mengamalkan adab terhadap ibubapa secara istiqamah serta membudayakannya dalam kehidupan seharian.
		<b>6</b>	Mengamalkan adab terhadap ibubapa secara istiqamah serta dapat dicontohi atau boleh membimbing orang lain.



STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>5.2 Adab bergaul dengan rakan</b>	<b>Murid berupaya:</b>  5.2.1 Menyatakan adab bergaul dengan rakan.  5.2.2 Menunjukkan contoh adab bergaul dengan rakan.  5.2.3 Mengenal pasti kepentingan adab bergaul dengan rakan.	<b>1</b>	Menyatakan adab bergaul dengan rakan.
		<b>2</b>	Menjelaskan adab bergaul dengan rakan.
		<b>3</b>	Menunjuk cara adab bergaul dengan rakan dan mengaplikasikannya dengan betul.
		<b>4</b>	Menjelaskan kepentingan adab bergaul dengan rakan serta membudayakannya dalam kehidupan seharian.
		<b>5</b>	Mengamalkan adab bergaul dengan rakan secara istiqamah serta membudayakannya dalam kehidupan seharian.
		<b>6</b>	Mengamalkan adab bergaul dengan rakan secara istiqamah serta dapat dicontohi atau boleh membimbing orang lain.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>5.3 Adab terhadap guru</b>	<b>Murid berupaya:</b>  5.3.1 Menyatakan adab terhadap guru.  5.3.2 Menunjukkan contoh adab terhadap guru.  5.3.3 Mengenal pasti kepentingan adab terhadap guru.	<b>1</b>	Menyatakan adab terhadap guru.
		<b>2</b>	Menjelaskan adab terhadap guru.
		<b>3</b>	Menunjukkan cara adab terhadap guru dan mengaplikasikannya dengan betul.
		<b>4</b>	Menjelaskan kepentingan adab terhadap guru dan membudayakannya dalam kehidupan seharian.
		<b>5</b>	Mengamalkan adab terhadap guru secara istiqamah serta membudayakannya dalam kehidupan seharian.
		<b>6</b>	Mengamalkan adab terhadap guru secara istiqamah serta dapat dicontohi atau boleh membimbing orang lain.

## 6.0 JAWI

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>6.1 Huruf jawi tunggal</b>	<b>Murid berupaya:</b>  6.1.1 Mengenal dan mengenali huruf jawi tunggal.  6.1.2 Membezakan huruf jawi tunggal yang hampir sama bentuk.  6.1.3 Menulis huruf jawi tunggal.	<b>1</b>	Mengenal dan mengenali huruf-huruf jawi tunggal.
		<b>2</b>	Menulis huruf-huruf jawi tunggal dengan betul.
		<b>3</b>	Menulis dan menyatakan huruf-huruf jawi tunggal yang hampir sama bentuk dengan betul.
		<b>4</b>	Menulis huruf-huruf jawi tunggal dengan betul dan membudayakannya di sekolah.
		<b>5</b>	Menulis huruf-huruf jawi tunggal dengan betul secara istiqamah.
		<b>6</b>	Menulis huruf-huruf jawi tunggal dengan cantik dan kemas secara istiqamah serta boleh dicontohi atau membimbing orang lain.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<b>6.2 Huruf jawi bersambung</b>	<b>Murid berupaya:</b>  6.2.1 Mengetahui dan mengenal huruf jawi yang boleh bersambung. 6.2.2 Menulis huruf jawi yang boleh bersambung. 6.2.3 Mengetahui, mengenal dan menulis huruf jawi yang tidak boleh bersambung. 6.2.4 Menulis huruf jawi yang tidak boleh bersambung.	<b>1</b>	Mengetahui dan mengenal huruf jawi bersambung dan tidak boleh bersambung.
		<b>2</b>	Menulis huruf jawi bersambung dan tidak bersambung dengan betul.
		<b>3</b>	Menulis huruf dan ayat jawi dengan betul.
		<b>4</b>	Menulis huruf yang boleh bersambung dan tidak boleh disambung dengan betul dan membudayakannya di sekolah.
		<b>5</b>	Menulis huruf yang boleh bersambung dan tidak boleh disambung dengan betul secara istiqamah.
		<b>6</b>	Menulis huruf yang boleh bersambung dan tidak boleh disambung dengan cantik dan kemas secara istiqamah serta boleh dicontohi atau membimbing orang lain.



**PANEL PENGGUBAL**

- |    |                                |  |
|----|--------------------------------|--|
| 1. | Dr. Rusilawati binti Othman    | Bahagian Pembangunan Kurikulum                   |
| 2. | Abd Wahab bin Hassan           | Bahagian Pembangunan Kurikulum                   |
| 3. | Norhaslinda binti Abd Rani     | Bahagian Pembangunan Kurikulum                   |
| 4. | Robiah binti Mohamad           | SK Dato' Demang Hussin, Bukit Katil Melaka       |
| 5. | Fatimah binti Tamjis           | SK Naning, Muar Johor                            |
| 6. | Ikmal Hisham bin Shamsuddin    | SKPK Jalan Peel, Jalan Peel Kuala Lumpur         |
| 7. | Ariffudin bin Dzulkhefli       | SKPK Kampung Baharu, Kampung Baharu Kuala Lumpur |
| 8. | Syadid Habibullah bin Samsudin | SKPK Selangor, Shah Alam Selangor                |
| 9. | Zulfahami bin Hussain          | SKPK Seremban, Seremban Negeri Sembilan          |

**TURUT MENYUMBANG**

- |    |                                  |   |
|----|----------------------------------|---|
| 1. | Nor Azza binti Ibrahim           | Bahagian Pembangunan Kurikulum              |
| 2. | Suyuti bin Mohammad              | Bahagian Pendidikan Khas                    |
| 3. | Wan Yusof bin Wan Sulong         | IPG Kampus Pendidikan Islam, Bangi Selangor |
| 4. | Mohd Khairul Anuar bin Che Adnan | SK Bayan Baru, Bayan Lepas Pulau Pinang     |
| 5. | Nooradibah binti Hanafi          | SKPK Kuantan, Kuantan Pahang                |
| 6. | Ahmad Wafiy bin Abdul Wahid      | SKPK Melaka, Jalan Semabok Melaka           |
| 7. | Nor Hafizah binti Abdul Rahim    | SKPK Taiping, Taiping Perak                 |





Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E  
62604 Putrajaya  
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917  
<http://www.moe.gov.my/bpk>